



KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

MANUAL PENGGUNA



PERMOHONAN BAHARU
SIJIL DIGITAL SOFTCERT

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini dibenarkan dicetak semula, diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada **JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN)**.

Edisi ini diterbitkan dan diedarkan pada bulan Julai, 2024

Senarai Edaran:

- Kakitangan JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN) yang diberi kuasa

Mana-mana pihak yang tidak disenaraikan di atas tidak dibenarkan untuk memeriksa kandungan dokumen ini. Perbuatan sedemikian akan di tafsir sebagai pelanggaran keselamatan dan tindakan yang wajarnya akan diambil terhadap pesalah.

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	2
1.0 PENGENALAN	5
2.0 PERMOHONAN BAHARU SOFTCERT	7
2.1 NOTIFIKASI PENGESAHAN ALAMAT E-MEL PENDAFTARAN SEBAGAI PENGGUNA SIJIL DIGITAL	7
2.2 PENGISIAN MAKLUMAT PERMOHONAN BAHARU SIJIL	9
2.3 NOTIFIKASI E-MEL BAGI PENJANAAN SIJIL DIGITAL	14
3.0 PENGAKTIFAN SOFTCERT	15
4.0 PENGUJIAN FUNGSI SOFTCERT.....	17
5.0 PAPARAN SOFTCERT.....	19
6.0 RESET PIN.....	21
6.1 RESET PIN MELALUI GPKI AGENT 3.0	21
6.2 RESET PIN MELALUI PORTAL MyGPKI.....	24
7.0 TUKAR PIN	27
7.1 TUKAR PIN MELALUI GPKI AGENT 3.0	27
7.2 TUKAR PIN MELALUI PORTAL MyGPKI	30
8.0 MUAT TURUN SOFTCERT.....	32

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Aliran Proses Permohonan Baharu Softcert.....	5
Rajah 2: Skrin Portal MyGPKI.....	6

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

SENARAI AKRONIM


Akronim	Definisi
Admin	Administrator (Admin) ialah pegawai di agensi peneraju yang bertanggungjawab mengurus pengoperasian Sistem MyGPKI serta melantik dan mengurus <i>Sub-Admin</i> Pelaksana (SAP).
AP	Authorized Personnel (AP) ialah pegawai di agensi sektor awam yang dilantik bagi mengurus sijil digital dan pengguna perkhidmatan MyGPKI di agensi masing-masing.
CA	Certification Authority (CA) ialah organisasi yang diberi lesen dan diiktiraf oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi pengeluaran Sijil Digital berdasarkan Akta Tandatangan Digital 1997, Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 dan undang-undang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
GPKI	Government Public Key Infrastructure (Prasarana Kunci Awam Kerajaan)
GPKI Agent	GPKI Agent ialah perisian yang dipasang pada komputer pengguna MyGPKI bagi melaksanakan fungsi PKI bertujuan untuk pengesahan identiti (identity)
Pentadbir MyGPKI	Pentadbir MyGPKI ialah pentadbir bagi Sistem MyGPKI yang terdiri daripada Admin, Sub-Admin Pelaksana (SAP), Sub-Admin (SA) dan Authorized Personnel (AP).
PIN	Personal Identification Number (PIN) ialah kod rahsia yang digunakan untuk mengesahkan identiti pengguna
RoamingCert	Roaming Digital Certificate (RoamingCert) ialah fail yang mengandungi Sijil Digital Pengguna, kunci peribadi (private key) bagi pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital. Sijil digital ini disimpan dalam pelayan di agensi peneraju
SA	Sub-Admin (SA) ialah pegawai di agensi sektor awam yang berperanan melantik AP, serta mengurus Sijil Digital Pengguna di agensi masing-masing.

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

Akronim	Definisi
SAP	Sub-Admin Pelaksana (SAP) ialah pegawai di agensi pelaksana yang berperanan melantik SA dan AP serta mengurus Sijil Digital Pengguna di agensi masing-masing.
Sijil Digital Pengguna	Sijil Digital Pengguna ialah sijil yang dikeluarkan kepada individu oleh CA yang mengandungi maklumat berkenaan dengan identiti pengguna dan kunci awam (public key) pengguna tersebut.
Sistem ICT kerajaan	Sistem ICT kerajaan ialah sistem dan aplikasi ICT (Information and Communication Technology) yang dibangun dan digunakan oleh agensi sektor awam bagi menyokong perkhidmatan kerajaan
SoftCert	Software Digital Certificate (SoftCert) ialah fail yang mengandungi Sijil Digital Pengguna, kunci peribadi (private key) bagi pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital. Sijil digital ini dimuat turun dan disimpan ke dalam komputer pengguna.
SO PIN	Security Officer PIN
Token	Token ialah peranti atau perkakasan yang mengandungi cip kriptografi untuk menyimpan kunci peribadi (private key) dan Sijil Digital Pengguna bagi melaksanakan pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital.

1.0 PENGENALAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi garis panduan berhubung langkah-langkah bagi Permohonan Baharu Softcert. Rajah 1 merupakan aliran proses Permohonan Baharu Softcert.



Rajah 1: Aliran Proses Permohonan Baharu Softcert

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

Fungsi – fungsi yang akan dilaksanakan oleh pengguna sistem ICT kerajaan adalah seperti berikut:

1. Permohonan Baharu SoftCert;
2. Notifikasi Pengesahan Alamat e-mel Pendaftaran sebagai pengguna;
3. Pengisian Maklumat Permohonan Baharu SoftCert;
4. Notifikasi Penjanaan Sijil Digital;
5. Pengaktifan GPKI AGENT 3.0;
6. Pengaktifan SoftCert;
7. Pengujian Fungsi SoftCert;
8. Paparan SoftCert dalam GPKI AGENT 3.0;
9. Reset PIN;
10. Tukar PIN; dan
11. Muat Turun SoftCert.

Maklumat Portal MyGPKI adalah seperti berikut:

1. URL Portal MyGPKI ialah https://mygpk.gov.my/gpki_portal/



Rajah 2: Skrin Portal MyGPKI

2.0 PERMOHONAN BAHARU SOFTCERT

2.1 NOTIFIKASI PENGESAHAN ALAMAT E-MEL PENDAFTARAN SEBAGAI PENGGUNA SIJIL DIGITAL

Langkah-langkah:

1. Notifikasi e-mel kepada pengguna akan dihantar untuk memaklumkan pengguna telah didaftarkan ke dalam Sistem MyGPKI. Pengguna akan menerima notifikasi pengesahan alamat e-mel pendaftaran sebagai Pengguna Sijil Digital bagi Sistem ICT Kerajaan (contoh: e-Syariah).
2. Contoh e-mel adalah seperti berikut:

Pengesahan Alamat E-mel Pengguna
Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,
Tuan/Puan KHAI ISMAN BIN KHAI ISMAIL,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, tuan/ puan telah didaftarkan sebagai pengguna baharu Sijil Digital SoftCert bagi **E-SYARIAH** oleh Pentadbir GPKI. Sila klik [di sini](#) bagi mengesahkan pendaftaran dan e-mel pengguna. Pautan pengesahan e-mel akan tamat dalam tempoh 24 jam pada 13-09-2020 10:36 PM

Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://gpkidesk.mampu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

Pentadbir Sistem GPKI
E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

3. Klik pautan [di sini](#) bagi mengesahkan pendaftaran dan e-mel pengguna. Sistem akan memaparkan skrin Pengesahan E-mel Pengguna seperti berikut:

PENGESAHAN E-MEL PENGGUNA

Terima Kasih kerana telah membuat pengesahan e-mel dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kod Verifikasi Permohonan akan dihantar melalui e-mel. Sila semak e-mel anda untuk mendapatkan kod verifikasi permohonan.

[Jana Kod Verifikasi Permohonan](#)

Sebarang pertanyaan, Sila klik pada pautan [GPKIDesk](#)

4. Klik butang **Jana Kod Verifikasi Permohonan** untuk menjana Kod Verifikasi Permohonan. Sistem akan paparkan mesej "Kod Verifikasi Permohonan telah dijana dan dihantar ke e-mel <e-mel pengguna>".

The screenshot shows a digital certificate application form. At the top, there is a breadcrumb navigation: PERKHIDMATAN / PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA / Permohonan Sijil Digital Pengguna. Below this is a yellow header bar with the text 'PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA'. The main form area contains fields for 'No. MyKad' (both input and placeholder), 'Kod Verifikasi Permohonan' (input field), and a large blue button labeled 'Jana Kod Verifikasi Permohonan'. A green message box at the top indicates that a new verification code has been generated and sent to the user's email ('[redacted]@yopmail.com'). A note below the button says 'Sila jana semula jika kod telah tamat tempoh'. At the bottom of the form are two buttons: 'Set Semula' and 'Seterusnya'.

Nota:

Butang jana perlu ditekan untuk mendapatkan Kod Verifikasi permohonan

5. Pengguna akan menerima e-mel notifikasi "Kod Verifikasi Permohonan untuk Permohonan Sijil Digital Pengguna" seperti contoh e-mel berikut:

Kod Verifikasi Permohonan untuk Permohonan Sijil Digital Pengguna
Assalamualaikum wbt, dan Salam Sejahtera,
Tuan/Puan KHAI ISMAN BIN KHAI ISMAIL,
Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.
2. Untuk makluman, anda telah didaftarkan sebagai pengguna Sistem ICT Kerajaan E-SYARIAH. Kod Verifikasi Permohonan adalah Kod Pengaktifan yang dinilai taraf dari Sistem GPKI 2.0. Nombor Kod Verifikasi Permohonan anda yang baharu adalah **54565326** dan akan tamat pada 13-09-2020 11:32 PM. Permohonan boleh dibuat melalui Portal GPKI di <https://gpki.mampu.gov.my>. Sila gunakan Kod Verifikasi Permohonan semasa membuat permohonan.
3. Klik [di sini](#) untuk panduan permohonan.
4. Sekiranya terdapat sebarang masalah, penjanaan semula Kod Verifikasi Permohonan adalah seperti berikut:
i. Pengguna GPKI hendaklah klik halaman GPKI Portal Pengguna <https://gpki.mampu.gov.my>;
ii. Klik menu 'Perkhidmatan';
iii. Klik pautan 'Permohonan Sijil Digital Pengguna' di bawah sub menu 'Permohonan Sijil Digital Pengguna';
iv. Klik butang 'Jana Kod Verifikasi Permohonan'; Pengguna GPKI hendaklah memasukkan nombor MyKad pada ruangan yang disediakan;
v. Sistem akan memaparkan maklumat pengguna yang mengandungi alamat e-mel;
vi. Pengguna GPKI hendaklah menyemak e-mel yang didaftarkan. Sekiranya e-mel tepat, klik butang 'Kod Verifikasi Permohonan';
vii. Sekiranya e-mel tidak tepat, pengguna GPKI hendaklah menghubungi pentadbir pendaftar; dan
viii. Pengguna akan menerima semula e-mel Kod Verifikasi Permohonan.

Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://gpkidesk.mampu.gov.my>.
Sekian, terima kasih.

Pentadbir Sistem GPKI

E-mel ini merupakan janaan komputer.. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

Nota:

Kod Verifikasi Permohonan yang dibekalkan di dalam e-mel akan tamat dalam tempoh 24 jam selepas e-mel dihantar. Sekiranya tempoh Kod Verifikasi Permohonan telah tamat pengguna perlu menjana Kod Verifikasi Permohonan yang baharu di Portal MyGPKI.

2.2 PENGISIAN MAKLUMAT PERMOHONAN BAHARU SIJIL

Pengisian maklumat permohonan baharu sijil digital boleh dilaksanakan setelah pengguna didaftarkan oleh Pentadbir MyGPKI (SAP/SA/AP) dan telah menerima Kod Verifikasi Permohonan melalui e-mel yang dihantar oleh Sistem MyGPKI. Permohonan ini bertujuan untuk pengguna mendapatkan Sijil Digital bagi tujuan kegunaan Sistem ICT Kerajaan.


Langkah-langkah:

1. Pada Portal MyGPKI, klik pada menu [PERKHIDMATAN] > [PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA].
2. Klik pada sub menu [Permohonan Sijil Digital pengguna].

UTAMA	MAKLUMAT AM	PERKHIDMATAN	MUAT TURUN	FAQ	ADUAN
<p>PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA</p> <ul style="list-style-type: none">● Permohonan Sijil Digital Pengguna● Permohonan Pembatalan Sijil Digital Pengguna● Semak Status Sijil Digital Pengguna● Semak Status Pembatalan Sijil Digital Pengguna	<p>PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA</p> <ul style="list-style-type: none">⌚ Kemas Kini Profil Pengguna⌚ Muat Turun Sijil Digital Softcert⌚ Tukar PIN Sijil Digital Softcert/Roaming⌚ Reset PIN Sijil Digital Softcert/Roaming* Pengujian Fungsi PKI	<p>PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PELAYAN</p> <ul style="list-style-type: none">⌚ Pendaftaran Pengguna Sijil Digital Pelayan⌚ Permohonan Sijil Digital Pelayan⌚ Permohonan Pembatalan Sijil Digital Pelayan⌚ Semak Status Sijil Digital Pelayan⌚ Kemas Kini Janji Temu⌚ Kemas kini penerimaan Sijil Digital Pelayan⌚ Kemas Kini Tarikh dan Masa Pemasangan Sijil Digital Pelayan⌚ Kemas Kini Profil Pegawai	<p>PENGURUSAN PENTADBIR</p> <ul style="list-style-type: none">👤 Permohonan Pelantikan⌚ Cetak Kembali Borang Permohonan⌚ Muat Naik Borang Permohonan⌚ Semak Status Permohonan Pelantikan Pentadbir⌚ Carian Pentadbir		

3. Masukkan **No. MyKad** berserta Kod Verifikasi Permohonan yang telah dihantar melalui e-mel dan klik butang [Seterusnya].

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	---	---------------




The screenshot shows the MyGPKI digital certificate application portal. At the top, there are links for GPKI DESK and LOGIN PENTADBIR. Below the header, there are navigation links: UTAMA, MAKLUMAT AM, PERKHIDMATAN, MUAT TURUN, SOALAN LAZIM, MEJA BANTUAN, and eLEARNING. Under PERKHIDMATAN, it says PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA / Permohonan Sijil Digital Pengguna. The main form title is "PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA". It has fields for "No. MyKad" (000000000000) and "Kod Verifikasi Permohonan" (.....). A button "Jana Kod Verifikasi Permohonan" is available. A note says "Sila jana semula jika kod telah tamat tempoh". Below the form are buttons "Set Semula" and "Seterusnya" (highlighted with a red box).

Nota:

Sila maklumkan kepada *Authorized Personnel (AP)* agensi anda sekiranya:

- a) Nombor MyKad anda tidak wujud dalam sistem
- b) Anda tidak menerima e-mel notifikasi yang mengandungi Kod Verifikasi Permohonan

4. Lengkapkan butiran peribadi pada skrin seperti di bawah:



The screenshot shows the "PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA" application form. At the top, a progress bar shows steps 1 to 7: Pendaftaran Sijil Digital Pengguna, Kod Verifikasi, Permohonan Sijil Digital, Pengesahan oleh Pentadbir, Kelulusan Permohonan, Penghantaran oleh CA, and Pengaktifan Token. Step 1 is highlighted in purple. Below the progress bar, the "Maklumat Pengguna" section is shown. It includes fields for:

- Jenis Permohonan: Baharu
- Jenis Medium: Sijil Digital SoftCert
- Nama Pemohon: Ali Bin Abu
- No. MyKad: 000000000000
- Sistem ICT Kerajaan: GPKI
- Peranan Pengguna Sistem ICT Kerajaan: Pentadbir GPKI
- E-mel: ruzaini123@yopmail.com
- Kementerian / Agensi: JABATAN DIGITAL NEGARA
- Alamat Agensi: BLOK B, BANGUNAN MKN EMBASSY TECHZONE, JALAN TEKNOKRAT 2, CYBERJAYA 63000 SELANGOR
- Poskad: 11111
- Negeri: SELANGOR
- No. Telefon Pejabat: 111111111111
- No. Faks: 1111111111111111
- No. Telefon Bimbit: 1111111111111111

5. Lengkapkan bahagian Maklumat Berhubung Penggunaan Sijil Digital pada skrin seperti di bawah:

Maklumat Berhubung Penggunaan Sijil Digital

Soalan Rahsia 1	Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)
Jawapan 1	01011950 <input type="text"/> Masukkan 4 hingga 8 angka sahaja
Soalan Rahsia 2	No plat kereta pertama ayah anda (contoh: 2050)
Jawapan 2	2050 <input type="text"/> Masukkan 4 hingga 8 angka sahaja
Sila pastikan anda ingat pilihan soalan dan jawapan keselamatan bagi penggunaan Sistem GPKI	
Imej Keselamatan	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
PIN Sijil Digital <input type="text"/> Masukkan 8 angka sahaja
Pengesahan PIN Sijil Digital <input type="text"/> Masukkan 8 angka sahaja
Sila pastikan anda ingat nombor PIN. Nombor PIN ini akan digunakan untuk tujuan pengaktifan Token/SoftCert/RoamingCert dan kegunaan seterusnya	
Muat Naik Imej MyKad	<input type="file"/> Pilih... Contoh imej MyKad

6. Sistem akan memaparkan Maklumat Pentadbir bagi pengguna seperti berikut:

Maklumat Pentadbir

No.	Sistem ICT Kerajaan	Nama	No. MyKad	Agensi	E-mel	No. Telefon Pejabat	Peranan
1	E-SYARIAH	HAZWAN BIN DOL	920202115456	JABATAN PERDANA MENTERI	hazwan9202@dispostable.com	544444444444	AP
2	E-SYARIAH	IRMA HANANI BINTI OTHMAN	890801024587	JABATAN PERDANA MENTERI	irma.othman@dispostable.com	044444444444	AP
3	E-SYARIAH	WAN HERMAN BIN WAN HAD	790904568901	JABATAN PERDANA MENTERI	herman.had@dispostable.com	98765432456	SA

7. Masukkan **Pengesahan Keselamatan** di ruangan yang disediakan.
8. Tandakan **✓** pada kotak *checkbox* untuk mengesahkan maklumat yang dikemukakan adalah benar.
9. Tandakan **✓** pada kotak *checkbox* untuk memberi kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) membuat salinan Sijil Digital dan kunci peribadi (Private Key).
10. Tandakan **✓** kotak *checkbox* untuk mengesahkan pengguna ambil maklum sekiranya permohonan ditolak secara automatik di atas sebab AP tidak membuat pengesahan permohonan dalam tempoh 15 hari.



Pengesahan Keselamatan



- Saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua maklumat yang diberi adalah benar dan tepat serta mematuhi perjanjian langganan sijil digital.
- Saya, dengan ini memberikan kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) untuk membuat salinan sijil digital dan kunci perlindungi (Private Key) saya dan seterusnya menyimpannya ke dalam Pusat Data JDN, sekiranya saya pengguna RoamingCert atau SoftCert.
- AP mengesahkan permohonan dalam tempoh 15 hari. Sekiranya permohonan tidak disahkan, permohonan akan ditolak secara automatik. Pengguna hendaklah memohon semula.

Batal **Hantar**

11. Klik butang **[Hantar]** untuk menghantar Permohonan Sijil Digital Pengguna kepada Pentadbir (SAP/ SA/ AP).
12. Sistem akan paparkan skrin Status Permohonan seperti berikut:

PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA**Status Permohonan**

Permohonan telah berjaya dihantar. Klik cetak untuk mencetak borang permohonan anda.

CetakSebarang pertanyaan, Sila klik pada pautan [GPKIDesk](#)

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

13. Klik butang [Cetak] untuk muat turun Borang Permohonan Baharu Sijil Digital seperti berikut:

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT PEMOHON		REQNEWSOFT 1
ID Permohonan	: SDS/2024/06/04/NEW/0001/5837	
Tarikh & Masa Permohonan	: 04/06/2024 03:48:13 PM	
Nama Penuh	: Ali Bin Abu	
No. MyKad	: 000000000000	
Pengguna Aplikasi	: GPKI	
Peranan Pengguna Aplikasi	: Pentadbir GPKI	
Alamat E-mel	: ruzaini123@yopmail.com	
Kementerian	: KEMENTERIAN DIGITAL	
Agenzi	: JABATAN DIGITAL NEGARA	
Alamat Agensi	: BLOK B, BANGUNAN MKN EMBASSY TECHZONE, JALAN TEKNOKRAT 2, CYBERJAYA 63000 SELANGOR	
No. Telefon Pejabat	: 111111111111	No. Faks : 1111111111111111
No. Telefon Bimbit	: 111111111111	
Soalan Rahsia 1	: Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)	
Jawapan Rahsia 1	: 01011195	
Soalan Rahsia 2	: No plat kereta pertama ayah anda (contoh: 2050)	
Jawapan Rahsia 2	: 2050	
Imej Keselamatan	:	
 Paparan Kad Pengenalan		
		
Penafian dan Peringatan		
<input checked="" type="checkbox"/> Saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua maklumat yang diberi adalah benar dan tepat serta mematuhi perjanjian langganan sijil digital. <input checked="" type="checkbox"/> Saya, dengan ini memberikan kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) untuk membuat salinan sijil digital dan kunci peribadi (Private Key) saya dan seterusnya menyimpankannya ke dalam Pusat Data JDN, sekiranya saya pengguna RoamingCert atau SoftCert. <input checked="" type="checkbox"/> AP mengesahkan permohonan dalam tempoh 15 hari. Sekiranya permohonan tidak disahkan, permohonan akan ditolak secara automatik. Pengguna hendaklah memohon semula.		
Salinan Pengguna dan Pentadbir GPKI sahaja		

14. Pengguna boleh menyimpan salinan borang Permohonan Sijil Digital Pengguna untuk tujuan rujukan dalam bentuk *softcopy* atau *hardcopy*.

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

2.3 NOTIFIKASI E-MEL BAGI PENJANAAN SIJIL DIGITAL

Notifikasi Penjanaan Sijil Digital akan dihantar kepada pengguna setelah CA/RA memproses permohonan sijil digital.

Langkah-langkah:

1. Notifikasi E-mel kepada pengguna akan dihantar untuk memaklumkan Sijil Digital Individu pengguna telah dijana.
2. Contoh paparan e-mel seperti berikut:

<p>Notifikasi Penjanaan Sijil Digital</p> <p>Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.</p> <p>2. Untuk makluman, Sijil Digital Pengguna Sijil Digital SoftCert anda telah berjaya dijana. Butir-butir sijil digital adalah seperti berikut</p> <p>Nama: KHAI ISMAN BIN KHAI ISMAIL Nombor Kad Pengenalan: 801123045689 Pengeluar sijil: Telekom Applied Business Tarikh Tempoh Sah: 18/10/2022 12:25 AM</p> <p>3. Sila buat pengaktifan melalui GPKI Agent 3.0.</p> <p>Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan https://gpkidesk.mampu.gov.my.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Pentadbir Sistem GPKI</p> <p>E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.</p>
--

3.0 PENGAKTIFAN SOFTCERT

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk mengaktifkan SoftCert yang telah diterima.

Fungsi ini juga bertindak untuk menyimpan SoftCert di dalam GPKI AGENT 3.0.

Nota:

1. Sila pastikan pengguna telah membuat permohonan baharu SoftCert.
2. Pengguna telah menerima notifikasi e-mel daripada pentadbir sistem MyGPKI
3. GPKI AGENT 3.0 telah dimuat turun dan dipasang di komputer pengguna.

Langkah-langkah:

1. Klik pada menu [Pengurusan SoftCert/ RoamingCert] dan klik pada sub menu [Pengaktifan Sijil Digital].



2. Skrin Pengaktifan Sijil Digital akan dipaparkan. Masukkan [No. MyKad] dan klik butang [Hantar].


3. Skrin Pengaktifan Sijil Digital untuk pengesahan keselamatan akan dipaparkan.
4. Pilih **Soalan Rahsia**, masukkan **Jawapan** dan **PIN Sijil Digital**.

Pengaktifan Sijil Digital

No. MyKad:	880515035090
Jenis Medium:	Sijil Digital SoftCert
Soalan Rahsia:	Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)
Jawapan:	1501
PIN Sijil Digital:	*****

Hantar **Batal**

5. Klik butang [Hantar] untuk mengaktifkan sijil digital.



4.0 PENGUJIAN FUNGSI SOFTCERT

Fungsi ini adalah bertujuan memastikan SoftCert yang dikeluarkan boleh berfungsi dengan baik. Fungsi yang akan diuji adalah *Signing*, *Verfying*, *Encrypt* dan *Decrypt*.

Langkah-langkah:

1. Klik pada menu [Utiliti] dan klik pada sub menu [Pengujian Medium] > [Pengujian SoftCert]



2. Masukkan **No. MyKad**, **PIN** dan **Data** untuk pengujian dan klik butang [Uji].

Pengujian SoftCert	
No. MyKad:	<input type="text"/>
PIN:	<input type="text"/>
Data:	<input type="text"/>
<input type="button" value="Uji"/> <input type="button" value="Batal"/>	

3. Agen akan memaparkan keputusan pengujian seperti berikut:

Pengujian SoftCert

No. MyKad:	880515035090
PIN:	*****
Data:	Uji Data
<input type="button" value="Uji"/> <input type="button" value="Batal"/>	

Pengujian tandatangan dan verifikasi....
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya

Pengujian bermula....
ID: 740711045090
Data: Uji Data
Keputusan tandatangan: Berjaya
Jenis kunci digital: RSA
Keputusan verifikasi: Berjaya

Pengujian encrypt dan decrypt....
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya

Pengujian bermula....
ID: 740711045090

5.0 PAPARAN SOFTCERT

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk melihat paparan maklumat lengkap SoftCert yang telah diaktifkan.

Langkah-langkah:


- Pastikan GPKI AGENT 3.0 masih aktif dan klik pada menu [Pengurusan SoftCert/RoamingCert] kemudian klik pada sub menu [Papar/Padam Sijil Digital]



- Skrin Senarai Sijil Digital akan dipaparkan seperti berikut:

Senarai Sijil Digital						
No. Siri	Maklumat	Tarikh Mula	Tarikh Akhir	Jenis M...	Tindakan	
					Papar	Padam
880515035090	Issuer=MAMPU Class 2 Test CA (ECC) SURNAME=880515035090 Name: SURIA BINTI ZUL 880515035090	11/08/2020	12/08/2021	softcert		

3. Klik pada ikon sijil untuk melihat maklumat lengkap sijil digital.



6.0 RESET PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat penetapan semula PIN Sijil Digital sekiranya pengguna terlupa PIN Sijil Digital sedia ada melalui GPKI AGENT 3.0 dan Portal MyGPKI.

6.1 RESET PIN MELALUI GPKI AGENT 3.0

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0**



2. [Start > All Program > GPKI AGENT 3.0> GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis GPKI AGENT 3.0.




3. Klik pada menu [Pengurusan SoftCert / RoamingCert] dan klik sub menu [Reset PIN].



4. Sistem akan memaparkan skrin Reset PIN seperti berikut:




5. Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar]. Sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:




6. Pilih **Soalan Rahsia 1** dan masukkan **Jawapan 1**.
 7. Pilih **Soalan Rahsia 2** dan masukkan **Jawapan 2**.

8. Klik butang [Reset PIN] untuk menetapkan semula PIN.
9. Sistem akan paparkan mesej seperti berikut:



10. Klik butang [OK], sistem akan menghantar e-mel Notifikasi Reset PIN seperti berikut:


**Nota:**

1. Pengguna disarankan untuk menukar PIN Sijil Digital sementara yang diterima melalui Notifikasi Reset PIN;
2. Pengguna perlu menghapuskan Maklumat Sijil Digital yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan melakukan Login Pengguna semula dengan memilih soalan rahsia, menjawab soalan rahsia dan masukkan **PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** atau;
3. Menghapuskan akaun pengguna yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan membuat pendaftaran semula pada Aplikasi GPKI Mobile dengan menggunakan **PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** selepas berjaya melakukan Reset PIN. (Sila rujuk Manual Pengguna - Aplikasi Mudah Alih - GPKI Mobile untuk menghapuskan Maklumat Sijil Digital, Akaun pengguna GPKI Mobile dan Pendaftaran Akaun pengguna GPKI Mobile dalam Aplikasi GPKI Mobile).

6.2 RESET PIN MELALUI PORTAL MyGPKI


Langkah-langkah:

1. Klik portal MyGPKI, klik pada menu [Perkhidmatan] > [PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA].
2. Klik pada sub menu [Reset PIN Sijil Digital Softcert/Roaming].



The screenshot shows the main service menu of the MyGPKI portal. The 'PERKHIDMATAN' tab is highlighted with a red box. Under the 'PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA' section, the 'Reset PIN Sijil Digital Softcert/Roaming' option is also highlighted with a red box.



3. Masukkan No. MyKad, Soalan Rahsia 1, Jawapan 1, Soalan Rahsia 2, Jawapan 2 dan klik butang [Reset PIN].



The screenshot shows the 'RESET PIN SIJIL DIGITAL' form. It includes fields for 'No. MyKad', 'Soalan Rahsia 1', 'Jawapan 1', 'Soalan Rahsia 2', 'Jawapan 2', and a reCAPTCHA verification. The 'Reset PIN' button at the bottom left is highlighted with a red box.

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

4. Notifikasi “PIN Sijil Digital anda telah berjaya disetkan semula. Anda akan menerima e-mel notifikasi berhubung Reset PIN ini.Sila tukar PIN kepada PIN baharu.” akan dipaparkan dan pengguna akan menerima e-mel notifikasi RESET PIN.

Nota:

1. Pengguna disarankan untuk menukar PIN Sijil Digital sementara yang diterima melalui Notifikasi Reset PIN;
2. Pengguna perlu menghapuskan Sijil Digital yang sedia ada dalam **GPKI AGENT 3.0** dan melakukan semula pengaktifan Sijil Digital dalam GPKI AGENT 3.0 dengan menggunakan **PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** selepas berjaya melakukan Reset PIN;
3. Pengguna perlu menghapuskan Maklumat Sijil Digital yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan melakukan Login Pengguna semula dengan memilih soalan rahsia, menjawab soalan rahsia dan masukkan **PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** atau;
4. Menghapuskan akaun pengguna yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan membuat pendaftaran semula pada Aplikasi GPKI Mobile dengan menggunakan **PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** selepas berjaya melakukan Reset PIN. (Sila rujuk Manual Pengguna - Aplikasi Mudah Alih - GPKI Mobile untuk menghapuskan Maklumat Sijil Digital, Akaun pengguna GPKI Mobile dan Pendaftaran Akaun pengguna GPKI Mobile dalam Aplikasi GPKI Mobile).

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

7.0 TUKAR PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat penukaran PIN Sijil Digital sekiranya pengguna telah melaksanakan fungsi Reset PIN. Pengguna perlu memastikan Sijil Digital Pengguna telah diaktifkan di dalam GPKI AGENT 3.0 sebelum membuat penukaran PIN melalui GPKI AGENT 3.0 dan Portal MyGPKI.

7.1 TUKAR PIN MELALUI GPKI AGENT 3.0

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0**



2. [Start > All Program > GPKI AGENT 3.0> GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis GPKI AGENT 3.0.



	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

3. Klik pada menu [Pengurusan SoftCert / RoamingCert] dan klik sub menu [Tukar PIN].




4. Sistem akan memaparkan skrin Tukar PIN seperti berikut:

5. Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar]. Sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:

6. Masukkan **PIN Sijil Digital** (PIN Sijil Digital sekarang).
 7. Masukkan **PIN Sijil Digital Baharu**.
 8. Masukkan **Pengesahan PIN Sijil Digital Baharu**.

9. Klik butang [Tukar PIN] dan sistem akan paparkan mesej seperti berikut:



10. Klik butang [OK], sistem akan memaparkan skrin Utama.


Nota:

1. Pengguna perlu menghapuskan Maklumat Sijil Digital yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan melakukan Login Pengguna semula dengan memilih soalan rahsia, menjawab soalan rahsia dan masukkan **PIN Baharu yang ditukar** atau;
2. Menghapuskan akaun pengguna yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan membuat pendaftaran semula pada Aplikasi GPKI Mobile dengan menggunakan **PIN Baharu yang ditukar** selepas berjaya melakukan Tukar PIN. (Sila rujuk Manual Pengguna - Aplikasi Mudah Alih – GPKI Mobile untuk menghapuskan Maklumat Sijil Digital, Akaun pengguna GPKI Mobile dan Pendaftaran Akaun pengguna GPKI Mobile dalam Aplikasi GPKI Mobile).


7.2 TUKAR PIN MELALUI PORTAL MyGPKI

Langkah-langkah:

1. Klik portal MyGPKI, klik pada menu [Perkhidmatan] > [PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA].
2. Klik pada sub menu [Tukar PIN Sijil Digital Softcert/Roaming].



3. Masukkan No. MyKad, No. PIN Lama, No. PIN Baharu, Sahkan No. PIN, dan klik butang [Tukar PIN].




The form fields are as follows:

- No. MyKad: 000000000000
- No. PIN Lama: (Redacted)
- No. PIN Baharu: (Redacted)
- Sahkan No. PIN: (Redacted)
- ReCAPTCHA: I'm not a robot
- Buttons: Reset, Tukar PIN (highlighted with a red box)

	PRASARANA KUNCI AWAM KERAJAAN (MyGPKI)	TERHAD
---	--	--------

4. Notifikasi “PIN berjaya ditukar bagi pengguna XXXXXXXXXXXX.” akan dipaparkan seperti berikut:



Nota:


1. Pengguna perlu menghapuskan Sijil Digital yang sedia ada dalam **GPKI AGENT 3.0** dan melakukan semula pengaktifan Sijil Digital dalam GPKI AGENT 3.0 dengan menggunakan **PIN Baharu yang ditukar** selepas berjaya melakukan Tukar PIN;
2. Pengguna perlu menghapuskan Maklumat Sijil Digital yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan melakukan Login Pengguna semula dengan memilih soalan rahsia, menjawab soalan rahsia dan masukkan **PIN Baharu yang ditukar** atau;
3. Menghapuskan akaun pengguna yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan membuat pendaftaran semula pada Aplikasi GPKI Mobile dengan menggunakan **PIN Baharu yang ditukar** selepas berjaya melakukan Tukar PIN. (Sila rujuk Manual Pengguna - Aplikasi Mudah Alih – GPKI Mobile untuk menghapuskan Maklumat Sijil Digital, Akaun pengguna GPKI Mobile dan Pendaftaran Akaun pengguna GPKI Mobile dalam Aplikasi GPKI Mobile).

8.0 MUAT TURUN SOFTCERT


Fungsi ini membenarkan pengguna untuk memuat turun SoftCert bagi kegunaan Sistem ICT Kerajaan. Fungsi ini boleh didapati di Portal GPKI.

Langkah-langkah:

1. Pada Portal GPKI, klik pada menu [Perkhidmatan] > [Pengurusan Sijil Digital Individu].
2. Klik pada sub menu [Muat Turun Sijil Digital Softcert].




3. Skrin MUAT TURUN SIJIL DIGITAL akan dipaparkan seperti berikut:




4. Masukkan [No. MyKad] dan klik butang [Seterusnya].


5. Sistem akan memaparkan imej keselamatan dan PIN Sijil Digital yang telah dipilih semasa permohonan sijil digital.



6. Pastikan imej keselamatan dan PIN Sijil Digital yang dipaparkan adalah sama seperti yang dipilih semasa Permohonan Sijil Digital. Sekiranya imej keselamatan tidak sama sila klik butang [Reset] untuk kembali ke skrin sebelumnya. Sekiranya imej keselamatan sama, masukkan **PIN Sijil Digital** dan klik butang [Seterusnya].
7. Sistem akan memaparkan maklumat lengkap sijil digital SoftCert seperti berikut:



8. Klik butang [Muat Turun] untuk muat turun sijil digital SoftCert.
9. Sistem akan memaparkan skrin muat turun bergantung kepada pelayar (*browser*) yang digunakan. Contoh di bawah adalah daripada *browser* Mozilla Firefox.



10. Pilih **Save File** dan klik butang [OK] untuk menyimpan sijil digital di dalam komputer.

Sijil digital akan disimpan di dalam folder Download. Contoh sijil digital yang telah dimuat turun seperti berikut:

Name	Date modified	Type
📁 C=MY, surname=880515035090, SERIALNUMBER=880515035090, CN=SURIA BINTI ZUL 880515035090	11/8/2020 5:36 PM	File folder